

# Sungai tersumbat punca Johor banjir

BH 26/1

**B**ANJIR yang melanda Kota Tinggi adalah yang terburuk dalam sejarah bandar ini. Pelbagai faktor menyebabkan banjir kali ini lebih buruk diketengahkan. Pemanasan suhu dunia, penerokaan kawasan hutan yang tidak terkawal dan sistem saliran yang tidak diurus dengan baik banyak dibincangkan.

Bandar Kota Tinggi terletak di tebing Sungai Johor menerima kesan sampingan daripada pembangunan dilakukan di hulu atau muara Sungai Johor. Kerja menambak dilakukan negara jiran di muara Sungai Johor memburukkan lagi aliran Sungai Johor.

Kerja penambakan tanah di Pulau Tekong menyebabkan aliran Sungai Johor bertambah sempit, menyebabkan Sungai Johor seperti sungai tersumbat.

Kini bandar Kota Tinggi pula menjadi mangsa terbaru.

**ZULKEFLI ABDUL AZIZ,**  
*Taman Pasir Emas, Pasir Gudang.*